

# LOSACAR TABLET 50MG

Losartan Potassium 50mg

## Apa yang ada pada risalah ini

- 1) Apakah kegunaan LOSACAR
- 2) Bagaimana LOSACAR berfungsi
- 3) Sebelum menggunakan LOSACAR
- 4) Cara pengambilan LOSACAR
- 5) Semasa menggunakan LOSACAR
- 6) Kesan-kesan sampingan
- 7) Cara penyimpanan dan pelupusan LOSACAR
- 8) Maklumat lanjut
- 9) Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
- 10) Tarikh kemaskini RiMUP

Baca keseluruhan risalah ini dengan teliti sebelum anda mula mengambil ubat ini kerana ia mengandungi maklumat penting.

Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya semula.

## Apakah kegunaan Losacar

Nama ubat ini adalah LOSACAR TABLET 50MG. Ia mengandungi bahan aktif, Losartan potassium. LOSACAR digunakan untuk rawatan tekanan darah tinggi (hipertensi). LOSACAR boleh digunakan secara bersendirian atau dengan ejen antihipertensi lain.

## Bagaimana Losacar berfungsi

Losartan potassium (LOSACAR) tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai *angiotensin II antagonis reseptor*.

Angiotensin-II adalah bahan yang dihasilkan dalam badan yang terikat pada reseptor di dalam saluran darah dan mengecutkannya. Ini menyebabkan peningkatan dalam tekanan darah.

Losartan menghalang pengikatan angiotensin II, menyebabkan saluran darah untuk relaks dan seterusnya merendahkan tekanan darah.

Losartan melambatkan kemerosotan fungsi buah pinggang pada pesakit dengan tekanan darah tinggi dan kencing manis jenis II.

## Sebelum menggunakan Losacar

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini:

- Jika anda alah kepada Losartan atau mana-mana bahan-bahan lain.
- Jika anda mengalami kerosakkan hati yang teruk.
- LOSACAR tidak digalakkan di awal kehamilan, dan tidak boleh diambil jika anda lebih daripada 3 bulan hamil, kerana ia boleh menyebabkan kemudaratan yang serius kepada bayi anda jika digunakan pada peringkat itu.
- Jangan mengambil LOSACAR jika anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk memulakan penyusuan.

### Sebelum anda mula mengambil

Beritahu doktor jika:

- Jika anda mempunyai sejarah *angioedema* (bengkak muka, bibir, tekak, atau lidah)
- Jika anda mengalami muntah-muntah atau cirit-birit yang berlebihan yang menyebabkan badan kehilangan cecair dan / atau garam yang banyak.
- Jika anda menerima diuretik (ubat yang meningkatkan jumlah air yang dilepaskan melalui buah pinggang) atau berada di bawah kawalan garam diet yang menyebabkan kehilangan cecair dan garam yang banyak dalam badan anda.
- Jika anda mengetahui mempunyai penyempitan atau penyumbatan saluran darah yang menuju ke buah pinggang atau jika baru-baru ini anda telah menerima pemindahan buah pinggang.
- Jika anda mengalami kerosakkan hati yang teruk.
- Jika anda mengalami kegagalan jantung dengan /atau tanpa kerosakkan buah pinggang atau mengalami denyutan jantung yang tidak stabil. Perhatian khusus juga diperlukan apabila anda dirawat bersama penghalang beta.

- Jika anda mempunyai masalah dengan injap atau otot jantung,
- Jika anda menghidap penyakit jantung koronari (yang disebabkan oleh aliran darah yang berkurangan dalam saluran darah jantung) atau penyakit 'cerebrovascular' (yang disebabkan oleh peredaran darah yang berkurangan di dalam otak),
- Jika anda mengalami *hyperaldosteronism* (satu sindrom yang berkaitan dengan peningkatan rembesan hormon aldosterone oleh kelenjar adrenal yang disebabkan oleh keabnormalan dalam kelenjar).
- Jika anda merancang untuk hamil atau menyusukan.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil, telah mengambil atau mungkin akan mengambil ubat-ubatan lain, seperti:

- Ubat tekanan darah yang lain kerana ianya boleh memberi kesan tambahan yang mungkin boleh mengurangkan tekanan darah anda.
- Ubat yang mengekalkan tahap kalium atau boleh meningkatkan tahap kalium (contohnya makanan tambahan kalium, pengganti garam yang mengandungi kalium atau *potassium sparing medicines*)
- Ubat anti-keradangan bukan steroid (*Non-steroidal anti-inflammatory drugs*) seperti *indomethacin*, termasuk *cox-2-inhibitors* kerana ia boleh mengurangkan kesan losartan dalam mengurangkan tekanan darah.

## Cara pengambilan Losacar

### Berapa banyak harus diambil

Sentiasa mengambil ubat ini dengan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi. Doktor akan menentukan dos yang sesuai bergantung kepada keadaan anda dan samaada anda ada mengambil ubat-ubatan lain .

# LOSACAR TABLET 50MG

Losartan Potassium 50mg

Dos biasa yang digunakan ialah 1 atau 2 biji sekali sehari. Kesan maksimum penurunan tekanan darah dapat dicapai 3-6 minggu selepas permulaan rawatan.

### Bila perlu diambil

Ambil ubat-ubatan pada masa yang sama setiap hari, dengan atau tanpa makanan.

Ubat perlu diambil bersama dengan segelas air.

### Berapa lama perlu diambil

Adalah penting untuk terus mengambil Losacar selama yang doktor anda tetapkan supaya dapat mengawal kelancaran tekanan darah anda.

### Jika anda terlupa untuk mengambilnya

Jika anda secara tidak sengaja terlepas dos harian, anda hanya perlu mengambil dos seterusnya seperti biasa. Jangan mengambil dos berganda untuk mengantikan dos yang anda terlupa.

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai penggunaan ubat ini, mintalah nasihat dari doktor, ahli farmasi atau jururawat.

### Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Jika anda secara tidak sengaja mengambil dos yang berlebihan, anda hendaklah menghubungi doktor dengan segera. Simtom berlebihan dos adalah tekanan darah rendah dan degupan jantung menjadi laju atau berkemungkinan menjadi perlahan.

## **Semasa anda mengambil LOSACAR**

### Perkara yang anda perlu dilakukan

Ambil Losacar seperti yang doktor anda telah tetapkan.

Beritahu doktor anda dengan segera sebaik sahaja anda tahu anda hamil, dan doktor akan menasihati anda untuk mengambil ubat yang lain selain Losacar

### Perkara yang anda tidak boleh lakukan

Ubat ini telah dipreskripiikan untuk anda. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai tanda-tanda serupa dengan anda. Ini berkemungkinan boleh memudaratkan mereka.

Jangan berhenti mengambil Losacar, atau menukar dos tanpa memberitahu doktor.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Losacar bermungkinan tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu dan menggunakan mesin. Namun, seperti ubat-ubatan lain yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi, Losacar mungkin menyebabkan pening atau mengantuk, jika anda menghadapi perkara sedemikian anda perlu mendapat nasihat doktor sebelum cuba aktiviti tersebut.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Losartan boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jika anda mengalami perkara seperti dibawah, berhenti mengambil pil Losacar dan beritahu doktor anda dengan segera atau pergi kehospital yang terdekat:

- Reaksi alahan yang teruk (ruam, gatal-gatal, bengkak muka, bibir, mulut dan tekak yang boleh menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas).

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana yang berikut:

- Pening, sakit kepala,  
- Gangguan Tidur (insomnia),  
- Sakit perut, keletihan (asthenia), sakit dada,  
- Bengkak (edema)  
- Kadar denyutan jantung menjadi laju (berdebar-debar)  
- Cirit-birit, perut tidak selesa (dyspepsia), mual,

- Sakit belakang, kekejangan otot  
- Batuk, hidung tersumbat, sakit tekak, penyakit resdung, jangkitan pernafasan.  
- Ruam  
- Tekanan darah rendah apabila mengubah kedudukan daripada berbaring untuk bangun atau duduk (*Dose related orthostatic effect*).

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda dapati kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→ Reporting*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Losacar**

#### Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam bungkusan asalnya sehingga sampai masa untuk mengambilnya.

Simpan ubat anda di tempat yang sejuk kering di mana suhu akan kekal di bawah 25°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak itu. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

#### Pelupusan

Jika doktor anda memberitahu anda untuk berhenti mengambil ubat ini atau ia telah melepasi tarikh luput, minta ahli farmasi anda apa yang perlu dilakukan dengan ubat yang masih ada.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-

# LOSACAR TABLET 50MG

Losartan Potassium 50mg

---

ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

#### LOSACAR TABLET 50MG

Putih, licin, bulat, dwicembung dan disalut filem dengan permukaan yang rata pada kedua-dua belah.

Ianya dibungkus dalam bentuk 'blister foil' dengan 10 tablet sekeping. Diisi didalam karton dan setiap karton mempunyai 10 keping.

### Bahan aktif

Setiap tablet mengandungi *Losartan Potassium 50 mg*

### Bahan tidak aktif

Ia juga mengandungi bahan-bahan berikut:

*Lactose, Maize starch, Microcrystalline cellulose, Low substituted hydroxypropyl cellulose, Colloidal Silicon dioxide, Magnesium stearate, Sodium starch glycolate, Opadry 03F58991 white.*

**No. Pendaftaran: MAL09011460A**

### **Pengilang:**

Cadila Healthcare Limited  
Sarkhej-Bavla N.H.No. 8A  
Moraiya, Tal: Sanand,  
Dist: Ahmedabad 382 210,  
INDIA

### **Pemegang Pendaftaran Produk:**

The Zyfas Medical Co.,  
No 7, Jalan Molek 3/10  
Taman Molek  
81100 Johor Bahru, Johor.

Tarikh kemaskini RiMUP: 10/09/2014

### **Nombor Siri:**

BPFK(R4/1)090914/00010